

Weststar sasar kontrak lebih RM10 bilion

Daripada **AZMAN IBRAHIM**
ekonomi@utusan.com.my

SINGAPURA 11 Feb. - Weststar Aviation Services Sdn. Bhd. (Weststar), menyasarkan untuk memperoleh nilai kontrak terkumpul perkhidmatan pengangkutan pesisir pantai lebih RM10 bilion dari 2008 sehingga akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Jeneral Muhammad Ismail Jamaluddin (**gambar**) berkata, sasaran itu dijangka menerusi kontrak-kontrak perkhidmatan yang diperolehi di dalam dan di luar negara.

Katanya, Weststar juga bakal memulakan operasi perkhidmatan pengangkutan pesisir pantai di Maghribi pada Mac ini.

"Selain Maghribi, Weststar telah menjalankan operasi perkhidmatan di Mauritania di barat Afrika dan Thailand.

"Setakat ini kami telah mencapai nilai kontrak perkhidmatan lebih RM8 bilion sejak tahun 2008," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian pembelian 10 unit helikopter AW139 di antara Weststar dengan syarikat pengeluar helikopter dari Itali, AgustaWestland pada Singapore Air Show 2014 di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Serantau Asia Tenggara AgustaWestland, Vincenzo Alaimo.

Muhammad Ismail memberitahu, selepas memulakan operasi di Maghribi, pihaknya merancang untuk menembusi pasaran perkhidmatan di Mozambique pada tahun ini.

Weststar kini mempunyai 38

Selain Maghribi, Weststar telah menjalankan operasi perkhidmatan di Mauritania di barat Afrika dan Thailand

MUHAMMAD ISMAIL JAMALUDDIN
Ketua Pegawai Eksekutif Weststar

buah helikopter yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan pesisir pantai untuk syarikat-syarikat minyak dan gas di dalam serta di luar negara.

Weststar mempunyai 19 pelanggan perkhidmatan termasuk Petronas Carigali Bhd., KPOC, Shell, Lundin, Petrofac dan Hess.

Ketika ditanya mengenai penghantaran 10 unit helikopter AW139 yang ditempah menerusi Agusta Westland, kata Muhammad Ismail, pihaknya dijangka menerima tiga buah helikopter yang pertama pada Mac ini.

Katanya, kos pembelian 10 helikopter AW139 adalah sebanyak RM600 juta.

"Kami dalam proses membeli 21 buah helikopter lagi bagi memenuhi permintaan pasaran yang tinggi," ujarnya.

Beliau memberitahu, Weststar juga dalam proses merancang untuk disenaraikan di bursa saham.

"Setakat ini, kami belum tentukan sama ada akan menyenaraikan saham syarikat Weststar di Bursa Malaysia atau di pasaran bursa luar negara," katanya. - UTUSAN



MENARIK

SINGAPORE Air Show 2014 merupakan antara pameran aeroangkasa dan pertahanan terbesar di Asia kini berlangsung sehingga 16 Februari ini. Pameran yang diadakan di Pusat Pameran Changi itu menawarkan pengunjung untuk melihat sendiri sistem, peralatan dan teknologi baharu digunakan oleh syarikat-syarikat aeroangkasa dari seluruh dunia termasuk Malaysia. - UTUSAN/AMIR HARIZ ABD RAHMAN